

20/08/1997

Umno sedia terima kritikan

KOTA BHARU, Selasa - Barisan Nasional (BN) Kelantan, khususnya Umno bersedia menerima kritikan dan pandangan `orang luar' berhubung budaya politik di negeri ini, sempena Konvensyen Umno pada 28 dan 29 Ogos ini.

Konvensyen itu akan mengundang tokoh akademik dan media serta pihak lain yang sesuai untuk memberi pandangan serta gagasan terhadap perubahan politik dan kepemimpinan parti.

Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, Datuk Annuar Musa berkata, kesediaan menerima kritikan dan pandangan secara terbuka itu adalah selaras dengan usaha mewujudkan budaya politik Umno dan BN yang baru.

"Ahli akademik akan diberi peluang membuat ulasan mengenai budaya politik Umno dan BN.

"Kita berpendapat ada budaya politik yang diamalkan membebankan Umno dan BN. Kalau kita sendiri nak komen, mungkin kita tidak nampak," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Konvensyen Umno Kelantan, di ibu pejabat Umno negeri, di sini, hari ini.

Konvensyen bertajuk `Semerak Iltizam Ke Arah Perubahan' akan diadakan selama dua hari bermula 28 Ogos ini di Kota Bharu. Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka menutup konvensyen itu pada keesokan harinya.

(END)